

07/06/2003

Semua cawangan BPMB boleh luluskan pinjaman

Mohd Azrone Sarabatin

KOTA KINABALU: Semua cawangan Bank Pertanian Malaysia Berhad (BPMB) boleh

membuat keputusan meluluskan pinjaman Skim Kredit Mikro yang dilancarkan empat hari lalu.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, berkata sebuah lagi bank terbabit dengan skim itu, Bank Simpanan Nasional (BSN) dijangka

akan melaksanakan dasar sama.

Katanya, bagi memastikan kelancaran skim, Kementerian Kewangan akan melakukan penstrukturan semula BPMB sebagai bank kredit mikro dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) akan diletakkan di bawahnya.

"Usaha ini kita lakukan bagi membantu peniaga kecil," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Taklimat Program Kredit Mikro BSN/BPMB peringkat Sabah, di ibu pejabat BSN Sabah di sini, semalam.

Dalam pembentangan Pakej Strategi Baru bernilai RM7.3 bilion oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 21 Mei lalu, sebanyak RM1 bilion diperuntukkan bagi Skim Kredit Mikro untuk membantu peniaga kecil mendapatkan laluan pembiayaan mudah.

Daripada jumlah itu, RM500 juta dikendalikan BPMB dan RM300 juta oleh BSN, manakala RM200 juta diperuntukkan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Antara ciri utama Skim Kredit Mikro itu adalah kadar faedah pinjaman sebanyak empat peratus dengan pembayaran balik bergantung kepada daya maju

serta mudah tunai peminjam.

Melalui skim itu, peniaga kecil yang layak boleh membuat pinjaman sehingga RM20,000 dan ditingkatkan kepada RM50,000 bergantung kepada keperluan pemohon.

Dr Shafie berkata, pengenalan skim itu juga dapat mengelak peniaga kecil

membuat pinjaman daripada ceti haram dan peminjam wang tidak berlesen yang

mengenakan kadar faedah tinggi dan mengancam nyawa peminjam.

Sementara itu, Pengurus Kanan BPMB cawangan Sabah, Hong Thing Koay, berkata enam permohonan berjumlah RM105,000 untuk peniaga kecil di Sabah diluluskan setakat semalam.

Katanya, pihaknya menerima 187 permohonan berjumlah RM2.8 juta tetapi hanya 15 yang layak untuk dipertimbangkan membabitkan pinjaman sebanyak RM227,000.